

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA

TARIKH : 29 OGOS 2018 (RABU)

SOALAN : 59

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah berlaku perbezaan harga pembelian tiket kereta api berkelajuan tinggi (ERL) antara kios, atas talian dan di kaunter (walk-in).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan mempunyai peruntukan kuasa untuk meluluskan kadar siling tambang perjalanan yang dikenakan kepada penumpang bagi mana-mana perkhidmatan keretapi. Walau bagaimanapun, tiada halangan daripada pihak kerajaan malah amat digalakkan sekiranya mana-mana pengendali keretapi ingin menawarkan harga tiket yang rendah dan berpatutan kepada penumpang bagi tujuan promosi, strategi pemasaran dan lain-lain yang mampu menggalakkan penggunaan perkhidmatan keretapi sebagai mod pilihan secara optimum.

Perkhidmatan *Express Rail Link* (ERL) menawarkan perkhidmatan transit dan ekspres yang menjadi pemudah cara bagi orang awam untuk ke KLIA atau KLIA2 dengan menggunakan mod keretapi. Tiket perjalanan boleh dibeli samada secara atas talian (online), di *Ticket Vending Machine* (TVM) atau di kaunter-kaunter tiket. Dalam usaha mengurangkan kos kakitangan dan operasi, penumpang digalakkan untuk membuat pembelian tiket melalui atas talian (online) dan di *Ticket Vending Machine* (TVM) secara debit atau kredit yang menawarkan diskaun sebanyak 10% daripada harga tiket.